

Pengetahuan Tradisi Perubatan dan Potensi Keusahawanan: Kajian Kes Wanita Orang Asli Batek di Kelantan

W. Zaimah Zalam (P85973) dan Sharina Abd Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: zaimahzalam@gmail.com

Pernyataan Masalah: Orang Asli merupakan komuniti yang kaya dengan ilmu pengetahuan tradisi dan berkemahiran tentang pengurusan alam semula jadi dalam menjalani kehidupan seharian. Keadaan ini jelas dipraktikkan dalam kalangan Orang Asli Batek. Antara ilmu pengetahuan tradisi yang diamalkan oleh mereka ialah berkaitan dengan aktiviti ekonomi tradisional, adat resam dan juga perubatan. Pengetahuan tradisi perubatan komuniti Batek mempunyai keunikan yang tersendiri di mana pengetahuan tersebut lebih banyak diamalkan oleh golongan wanita berbanding lelaki. Menurut kajian lepas, pengamalan pengetahuan tradisi berasaskan perubatan dalam kalangan wanita Batek masih tinggi terutamanya perubatan untuk diri dan keluarga. Oleh itu, keunikan dalam mengamalkan pengetahuan tradisi perubatan tersebut berpotensi sebagai aktiviti keusahawanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan komuniti. **Objektif:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis pengetahuan tradisi perubatan dalam kalangan wanita komuniti Batek, menghuraikan faktor penyumbang untuk wanita komuniti Batek terlibat dalam aktiviti keusahawanan berasaskan pengetahuan tradisi perubatan dan menilai impak aktiviti keusahawanan ke atas kelestarian pengetahuan tradisi perubatan. Kajian ini akan dilaksanakan ke atas wanita Komuniti Batek yang menetap di kawasan Taman Negara Kuala Koh, Pos Lebir, Gua Musang, Kelantan. **Metodologi:** Kajian ini akan mengambil seramai 60 orang wanita komuniti Batek yang menetap di Kuala Koh. **Hasil:** Kaum wanita komuniti Batek turun ke hutan untuk mencari sumber tumbuh-tumbuhan, herba dan akar-akar kayu yang berfungsi sebagai ubat-ubatan. Mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang jenis dan fungsi tumbuhan di hutan untuk merawat sesuatu penyakit. Kajian ini memilih Kuala Koh sebagai lokasi kajian kerana merupakan kawasan pelancongan dan juga salah sebuah suku kaum Orang Asli yang terlibat dengan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), iaitu Program Penempatan Tersusun (PPT) yang mana kerajaan telah menyediakan rumah dan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Penglibatan komuniti Batek dalam RPS boleh memberi kesan ke atas pemilikan pengetahuan tradisi perubatan mereka. Dalam meneliti potensi aktiviti wanita komuniti Batek dalam keusahawanan, peri penting juga untuk menekankan aspek kelestarian pengetahuan tradisi perubatan, antaranya memulihara kelestarian khazanah hutan. Wanita komuniti Batek boleh terlibat dengan aktiviti keusahawanan berasaskan pengetahuan tradisi perubatan, namun dalam masa yang sama mereka perlu menjaga kelestarian hutan tersebut dengan menghadkan pengambilan tumbuhan, sentiasa amalkan amalan penanaman semula tumbuhan yang diambil di sekitar kawasan rumah mereka dan menghasilkan produk ubatan tradisional mengikut permintaan. Orang Asli sering dikaitkan dengan tidak berpendidikan dan secara langsung akan memberi kesukaran dalam pengurusan perniagaan ubatan tradisional mereka. Justeru itu, perlu menubuhkan atau menyediakan satu organisasi yang menyediakan kaunseling dan pengurusan kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang berperanan untuk membantu menguasai situasi kewangan dan mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak serta menyediakan pendidikan kewangan. **Kesimpulan:** Wanita komuniti Batek tidak lagi 100% bergantung dengan pihak orang tengah dan tidak akan menghadapi masalah untuk mengawal harga bahan mentah (tumbuhan ubatan) dan ubatan tradisional yang diperolehi mereka kerana dieksploitasi oleh orang tengah sebelum ini.